

ADAT DAN ISTIADAT @

Norhalim Hj Ibrahim¹

Pendahuluan

Malaysia adalah sebuah negara yang sedang giat menjalankan aktiviti pembangunan. Perkataan pembangunan selalu dikaitkan dengan erti 'modenisasi' dan 'perindustrian'. Walaupun ketiga-tiga perkataan ini mempunyai konsep dan proses yang berlainan, akan tetapi ianya sering berkait rapat dengan aspek-aspek perubahan sosial.

Proses penyesuaian atau adaptasi unsur-unsur pembangunan, modernisasi dan perindustrian akan membawa perubahan kepada sesuatu masyarakat itu mengikut kehendak-kehendak masa dan alam sekeliling, dan akan menerima kesan perubahan yang besar sekali terutamanya dari segi kebudayaan. Sehubungan dengan ini, jika masyarakat yang sedang membangun itu tidak mempunyai fahaman yang mendalam mengenai budayanya maka proses perubahan sosial ini akan lebih banyak mengakibatkan kesan-kesan yang negatif dari yang positif (Jacobs, 1971; Chen, 1971). Namun, pengalaman Jepun menunjukkan bahawa jika masyarakat berpegang kuat kepada nilai-nilai dan norma-

@Kertaskerja untuk BENGKEL PERANCANGAN DAN PENYELARASAN PENGAJIAN TAMADUN MELAYU, 28hb hingga 30hb. Oktober, 1985, di RUMAH UNIVERSITI, UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR.

¹Penulis kini bertugas di Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.

norma budayanya maka proses-proses tadi tidak akan menghilangkan kekayaan kebudayaan yang telah tersedia wujud itu.

Menurut Abegglen, pembangunan perindustrian di Jepun telah berlaku tanpa banyak mengubah struktur dan organisasi sosial (Abegglen, 1959:129) kerana dalam mencapai pemodenan Jepun telah mengamalkan falsafah: Teknologi Barat, Kebudayaan Jepun. Falsafah inilah yang mendorong mereka agar tidak lalai dan lupa dengan kemajuan-kemajuan barat sehingga kebudayaan bangsa mereka tergugat. Akibatnya Jepun telah berjaya bukan sahaja sebagai sebuah negara yang moden tetapi juga merupakan sebuah negara perindustrian yang terkemuka sekali di dunia masakini, dengan berlatarbelakangkan kebudayaan mereka sendiri.

Dapatkah pengalaman Jepun ini disamakan dengan Malaysia sekarang? Sedangkan, rata-rata masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Melayu dari generasi muda tidak lagi berapa mengenal apakah lagi memahami kebudayaannya sendiri. Mereka lebih arif dan lebih cinta kepada kebudayaan asing, khususnya kebudayaan barat.

Kebudayaan itu secara ringkasnya bermakna segala-gala yang diperwarisi dan diamalkan. Antara elemen-elemen utamanya termasuklah pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang dan adat resam (Tylor, 1958:1).

TUJUAN

Oleh sebab ruang lingkup kebudayaan itu luas sekali maka kertaskerja ini tidak akan menyentuh kesemua elemen-elemen tersebut melainkan dua aspek yang besar iaitu adat dan istiadat. Dengan itu maka tujuan utama kertaskerja ini adalah untuk memeriksa tiga makduk utama iaitu mengenai:

- a) pengertian dan konsep adat dan istiadat,
- b) dasar-dasar adat dan istiadat, dan
- c) kedudukan penyelidikan . yang berkaitan dengan adat dan istiadat.

PENDEKATAN

Masyarakat Melayu Malaysia dapat dibagikan kepada beberapa pengelompokan wilayah budaya. Dan sebagai kelompok budaya yang bertradisi sudah tentu tiap-tiap satunya mempunyai adat dan istiadat yang antara satu dengan lain mempunyai persamaan dan perbedaan.

Kertaskerja ini sudah tentu tidak dapat melihat kesemua adat dan istiadat tiap-tiap kelompok budaya tersebut. Dengan itu perbincangan dan huraian, dari segi adat, akan hanya membincangkan adat pepatih Negeri Sembilan; dan dari segi istiadat pula, akan dilihat lingkungan hidup dan aktiviti sampingan yang berkait dengan kegiatan-kegiatan politik, ekonomi dan sosial seseorang itu.

Adat Negeri Sembilan dipilih sebagai pokok perbincangan bukanlah bermakna yang adat-adat dari wilayah budaya Melayu lain tidak dianggap penting tetapi adalah kerana setakat ini, adat wilayah budaya Negeri Sembilanlah yang masih kekal dikenali dan pada beberapa aspek, walaupun terlalu sedikit masih diamalkan. Di samping itu, kalau mengikut Josselin de Jong (1960:379) adat Negeri Sembilan telah lebih banyak dikaji dari negeri-negeri Melayu yang lain di Semenanjung Tanah Melayu. Justeru itu adat pepatih Negeri Sembilan lebih dikenal tetapi fahaman mengenainya, baik oleh orang Negeri Sembilan sendiri apatah lagi orang di luar Negeri Sembilan, masakini sangat cetek.

PENGERTIAN DAN KONSEP ADAT DAN ISTIADAT

Istilah adat dan istiadat sering disebut dan digunakan sehingga muncul suatu kekaburan makna yang amat mengelirukan. Penggunaan basahan oleh orang ramai seakan-akan mengertikan adat sebagai suatu kebiasaan harian ataupun suatu yang dibezakan dari gejala agama dan undang-undang. Dan, dengan perkembangan berbagai-bagai bidang pengetahuan 'moden' pengertian adat telah disempitkan kepada istiadat sahaja. Segala sesuatu yang dijalankan secara tradisi dan warisan dan seakan-akan tidak berubah dinamakan istiadat atau adat.

Adat

Di kalangan masyarakat Melayu di luar bandar masakini istilah adat masih bermakna sistem atau cara hidup, atau kebudayaan. Bagi mereka istilah kebudayaan tidak digunakan, maka konsep adat itu memerikan tentang sistem hidup mereka yang menyeluruh - setiap sesuatu yang diamalkan serta dialami. Ianya juga berupa pemberdung tatasusila serta nilai hidup yang punya tenaga dan kuatkuasa dalam masyarakat yang penuh budi bahasa dan sopan santun.

Jika kita membuat suatu perspektif perbandingan dan pengertian antara adat orang Melayu khususnya adat pepatih Negeri Sembilan dengan undang-undang yang dikenali oleh dunia sebagai Common Law dan Equity, maka akan terdapat ciri-ciri perseimbangan dan setanding dari segi tradisi, sejarah, falsafah dan pemikiran (Mohd. Rais Yatim, 1974).

Adat dalam masyarakat manusia umumnya terbagi kepada empat kategori iaitu:

- adat yang teradat
- adat yang diadatkan
- adat istiadat
- adat resam

Adat pepatih juga memberikan empat kategori adat iaitu:

adat yang sebenar adat
adat yang teradat
adat yang diadatkan
adat istiadat.

Perbezaan antara kedua jenis ini ialah: 'adat yang sebenar adat' dalam perbilangan adat pepatih itu menunjukkan sifat tabii atau semulajadi makluk; sedangkan dalam konteks kertas ini adat adalah hasil kewujudan kebudayaan yang memandu, mengawal dan menentukan tingkahlaku yang dianggap sopan dan betul dalam masyarakat. Adat dalam konteks terakhir inilah yang pada hakikatnya menaikkan tahap manusia dari alam semulajadi ke suatu tingkat di mana ia tidak lagi sebanding dengan haiwan dan dengan tumbuh-tumbuhan.

Sedangkan 'adat resam' yang merujuk kepada social habits, yakni cara-cara yang biasa dan lazim diamalkan dalam menjalankan sesuatu institusi. Keadaan ini dari segi adat pepatih mungkin terkandung dalam perbilangan 'adat istiadat'.

Istiadat

Pengertian istiadat tersirat dalam konsep perbilangan 'adat istiadat'. Istilah ini merujuk kepada aspek kehidupan masyarakat yang bersifat upacara (ritual) dengan mempunyai suatu prosidur, cara atau kaedah yang agak mantap, lengkap dengan perayaan yang

terperinci bagi memberi sifat suci, benar dan sahih. Tegasnya istiadat ialah cara-cara yang diajukan dan diterima umum sebagai sah dan stabil oleh adat yang diadatkan. Dalam istiadat, yang diutamakan adalah kelengkapan dan peralatan, tatacara dan upacara, serta susunan dan organisasi dalam melaksanakan sesuatu peristiwa, sesuatu kejadian dan permulaan sesuatu aktiviti, baik ekonomi, politik ataupun kepercayaan; yang mendekati alam kepercayaan dan keagamaan dan penuh dengan nilai kudus.

Fungsi istiadat adalah memberi kesahihan dan kebenaran kepada sesuatu gejala istimewa dalam masyarakat dan dalam edaran hidup individu. Dengan itu, sesuatu istiadat itu boleh menjadi besar dan elaborate dan juga boleh diringkaskan; semuanya ber-gantung kepada keadaan masyarakat pada ketika istiadat itu dijalankan.

Kalaularah huraian ini dijadikan dasar kepada pengertian istiadat, maka kategori 'adat resam' tidak dapat dianggap sebagai istiadat. Adat rasam hanyalah tingkahlaku biasa manusia yang tidak memerlukan sebarang rituals, peralatan dan kelengkapan yang tersendiri. Namun, ada juga penulis adat pepatih, sebagai di nyatakan di atas tadi menyatakan bahawa amalan kebiasaan dalam kehidupan sehari-hari itu juga termasuk dalam konsep perbilangan 'adat istiadat' (A. Samad Idris, 1974).

Sebagai rumusan dapatlah kita bahagikan empat kategori adat tadi kepada dua. Pertama adat yang meliputi perbilangan atau kategori 'adat yang teradat' dan 'adat yang diadatkan' yang membawa makna peraturan atau undang-undang yang tidak berkanun dan rujukan tidak dibuat melalui kanunnya tetapi melalui kata-kata adat yang tersusun dalam lipatan ingatan pakar-pakar adat. Kedua istiadat yang terdiri dari kategori 'adat istiadat' sahaja tidak termasuk 'adat resam'. Makna adat dari jenis pertama itulah yang tersirat dalam perbilangan 'biar mati anak, jangan mati adat' yang seringkali disalah-fahamkan oleh masyarakat ramai dan malahan oleh pemimpin Melayu masakini; apabila mereka membicarakan mengenai adat (sic!) dan orang Melayu kontemporari.

DASAR-DASAR ADAT DAN ISTIADAT

Dasar Adat

Adat sebagai asas dan sendi masyarakat mempunyai fungsi yang menyeluruh dalam semua bidang kehidupan. Antara bidang-bidang tersebut adalah terdiri dari: asas susunan masyarakat (social order), politik dan pentadbiran, undang-undang, ekonomi dan pengagihan sumber, organisasi masyarakat dan prinsip-prinsip perubahan. Dalam konteks ini adat pepatih di Negeri Sembilan memberikan suatu contoh yang jelas sekali.

Adat pepatih menyusun anggota masyarakatnya atas dua landasan yakni sistem ide (Dahlan, 1984) dan struktur (Zainal Kling, 1984). Sistem ide inilah yang memperlanjutkan keseluruhan adat itu disamping membentuk tanggapan tentang bentuk masyarakatnya sendiri. Prinsip pembentukan atau susunan masyarakat ini ialah mendasarkan persaudaraan yang utama melalui keturunan perempuan dan persaudaraan kedua melalui keturunan lelaki. Prinsip keturunan nisab-ibu ini telah membentuk pula kelompok-kelompok padu yang terhimpun kepada beberapa kelompok keturunan (atau dianggap seketurunan) sedarah.

Kelompok-kelompok sedarah ini dipanggil suku, yang pula terpecah kepada kelompok-kelompok sedarah yang lebih kecil iaitu perut, ruang dan rumpun (Norhalim Hj Ibrahim, 1976:77-94). Oleh sebab keanggotaan dalam satu-satu kelompok sedarah itu berasaskan keturunan darah melalui ibu maka kelompok ini menjadi eksklusif dan ascriptive serta corporate, dan pada zaman gemilangnya adalah juga localized. Prinsip struktur sosial adat ini pula adalah interaksi hebat dan dinamis antara dua daya perhubungan: menegak (hiraki) dan juga merata (egalitarian).

Dasar samarata dan samarasa adalah sifat utama orang kebanyakan dalam kehidupan berkelompok mereka. Justeru itu nilai hidup bersama dan prinsip samarata, setia kawan, tolong menolong dan sefahaman yang dibina di atas dasar timbal-balik

ini adalah penting. Nilai-nilai ini bukan egoistik tetapi kehadiran individu dengan harga diri yang utuh dan teguh, masing-masing hidup dengan fungsi dan peranan sendiri, memberi sumbangsan kepada kewujudan seluruh. Dan nilai-nilai ini diucap serta diamalkan dalam perbilangan adat yang amat banyak samada sesama ahli keluarga, jiran, sekampung, samasuku, ataupun sesama individu sahaja. Dasar dan nilai ini amat wajar dan kena bagi susunan masyarakat yang demokratis, corporate, egalitarian dan bermoral.

Disebaliknya pula, untuk menentukan agar masyarakat itu berjalan sebagaimana kehendak adat maka adat itu sendiri telah mengadakan susunan pentadbiran yang berdasarkan kepada prinsip hiraki atau tinggi-rendah. Dengan itu terbentuk susunan jawatan pentadbiran dari puncaknya 'raja' (dalam setengah perbilangan 'keadilan') kepada golongan Undang/Penghulu dan seterusnya ke bawah pada peringkat lembaga, buapak, besar dan kedim (Norhalim Hj Ibrahim, 1976: 96). Dalam hiraki ini berlaku perjalanan kuasa politik.

Adat ini juga mewujudkan sistem pentadbiran kepimpinan yang dijalankan dan dilantik atas dasar kebulatan suara orang banyak. Proses maufakat ini berlaku pada setiap pemilihan ketua dipelbagai peringkat pengelompokan. Sebagai orang ter-

lantik, kesemua pemimpin dalam masyarakat boleh dipecat oleh orang kebanyakan. Salah satu dari sebab pemecatan ketua adat ialah kerana tidak adil dalam menjalankan (undang-undang) adat. Dengan demikian prinsip hiraki ini secara unggul tidak membentarkan seseorang pemimpin berlaku zalim dan kasar, apalagi tidak adil terhadap orang bawah kerana kedudukan dan jawatannya bergantung kepada sokongan bawah.

Keadilan itu lantas. Ia tidak tersekat oleh tali persaudaraan, kepentingan politik, tekanan maruah atau martabat kedudukan. Adat pepatih menuntut keadilan sebagai nilai utama dalam undang-undang adat yang tersirat dalam perbilangan: biar mati anak, jangan mati adat.

Berdasarkan perbilangan yang ada, undang-undang adat pepatih dapat dikelaskan kepada lima jenis yakni: perlembagaan dan kepimpinan, jenayah, keterangan (evidence), keluarga dan harta. Harus diingatkan di sini bahawa pengelasan ini bukanlah yang lengkap atau exhaustive. Ia cuma sekadar memberi imbasan bahawa adat pepatih itu ada dan sedia mengandungi konsep-konsep keadilan yang dasar dan asas bagi menghadapi kehendak-kehendak masyarakatnya.

Asas ekonomi adat ini adalah tanah. Tanah adalah satu objek yang penting dalam kehidupan masyarakat ini sejak semulanya lagi .

Ia telah menjadi ideologi dan morality. Dari konsep asasi milik tanah inilah terbitnya segala nilai dan susunan masyarakat dan negeri. Dengan itu terdapat suatu kesedaran yang amat mirip kepada fahaman kebendaan. Dasar kebendaan ini ditanam erat dan adalah sesuai di dalam susunan masyarakat itu, yakni harta milik terpulang kepada perempuan tetapi tidak menghalang lelaki menggunakannya. Susunan milik oleh pihak wanita yang dianggap sebagai inti dari keturunan, justeru itu amat perlu dipelihara dan mempunyai sumber rezeki, mempunyai fungsi yang amat wajar. Pihak lelaki pula, terutama kaum belia dibenarkan dan digalakkan oleh adat supaya merantau mencari rezeki dan kekayaan melalui perdagangan. Jadi perniagaan dan perdagangan adalah juga nilai utama dan kesan langsung dari perjalanan sistem adat pepatih.

Dengan adanya galakan untuk merantau ini, adat ini menyedari tentang berlakunya pertembungan dengan dunia luar yang akan mengakibatkan perubahan dan pembaharuan. Justeru itu terdapat kaedah perubahan yang menjadi sebahagian dari seluruh sistem itu agar sesuai dengan peredaran masa dan alam. Asas dari segala perubahan itu ialah kemahuan masyarakat sendiri melalui persefahaman pendapat dan kebulatan kata. Namun, beberapa prinsip utama seperti hidup bersuku, dekat kampung, dekat halaman terpaksa dikekalkan kerana tanpa prinsip ini masyarakat akan mengalami perubahan radikal dan menjadikan masyarakat bentuk lain. Jika dasar-dasar seperti ini dilanggar juga maka hukum denda terpaksa dijalankan.

Istiadat

Orang Melayu sebagai masyarakat yang beradat kaya dengan istiadat dalam hidup mereka sehari-hari. Pada zaman tradisi hampir kesemua aktiviti yang dijalankan, melainkan adat resam dimulakan, diiringi atau disudahi dengan istiadat. Jikalau istiadat tidak dilakukan masyarakat akan merasa sesuatu kekurangan dalam kegiatan yang berkenaan. Kesemua istiadat ini dikepalai oleh individu tertentu yang berkemahiran.

Dalam lingkungan hidup seseorang individu akan melalui dan menjalankan beberapa upacara istiadat. Upacara ini bermula sejak hari ia dilahirkan, di mana diadakan istiadat menanam uri yang antara lain menggunakan peralatan seperti kain putih, periok tanah, sirih, limau, beras, pelita, garam, asam keping, dan minyak kelapa. Ini diikuti oleh istiadat menjelajak tanah.

Istiadat menjelajak tanah ini dijalankan selepas bayi itu berumur 40 hari, atau selepas ibunya sampai edah. Antara alat yang diperlukan untuk istiadat ini adalah pelepah jantung pisang, pasir, batu sungai dan kain. Selalunya istiadat ini disekalikan dengan istiadat naik buaiar. Istiadat ini memerlukan kain batik lepas, cupak, duit lima atau sepuluh sen, kulit kerang, batu, paku, buah keras dan lain-lain keperluan bidan. Istimewanya istiadat ini ialah: istiadat ini disulam dengan satu nyanyian yang dipanggil andoi anak. Istiadat ini boleh dijalankan pada waktu yang lain tetapi selepas istiadat menjelajak tanah. Satu lagi istiadat yang

boleh dilakukan serentak atau terkemudian dari istiadat naik buaian ini ialah istiadat bercukur rambut. Kesemua istiadat yang baru dinyatakan tadi, melainkan bercukur rambut memerlukan bidan sebagai kemudi.

Satu lagi istiadat yang perlu disebut di sini ialah istiadat menyumbang. Istiadat ini jarang diadakan. Ia hanya dijalankan jika anak yang lahir itu kembar berpasang, yakni seorang lelaki dan seorang perempuan. Bukan semua kembar berpasang yang perlu menjalani istiadat ini, melainkan kembar berpasang dimana bayi perempuan lahir dahulu sahaja yang memerlukan istiadat ini. Pada pendapat orang-orang tua, perbuatan bayi perempuan lahir dahulu itu adalah menyalahi kebiasaan kerana pada biasanya, lelaki iaitu abang yang memimpin adeknya (perempuan) dan bukan sebaliknya.

Jika berlaku keadaan ini, maka di hari yang ditetapkan, sebuah rumah kecil akan didirikan di tengah perjalanan antara rumah keluarga isteri (ibu kepada bayi kembar) dan rumah keluarga bapa. Babi-bayi tersebut akan diletakkan di dalam rumah tersebut. Satu perebutan bayi, antara pihak keluarga ayah dan ibu akan berlangsung diikuti dengan upacara 'sengketa' yakni perang batang keladi antara kedua pihak yang berebut tersebut.

Apabila anak itu telah besar ia akan melalui istiadat menyerah mengaji, dan ini disusuli dengan istiadat khatam mengaji.

Pada biasanya istiadat khatum mengaji ini dijalankan serentak samada semasa upacara berkhatan (untuk anak lelaki) atau sehari sebelum istiadat nikah kahwin.

Istiadat nikah kahwin adalah satu peristiwa penting dalam kehidupan individu Melayu. Dalam masyarakat adat pepatih peristiwa ini bermula dari sejak istiadat menghantar (lelaki) dan menerima (perempuan) tanda/cincin, walaupun jarak antara kedua upacara ini berbeza dari sebulan sehingga ke setahun atau lebih.

Istiadat menghantar tanda ini sekurangnya 60 tahun yang lalu, penuh dengan istiadat, peralatan dan puncaknya ialah perlawanan berbalas perbilangan dan pantun antara kedua belah pihak lelaki dan perempuan. Kadangkala, seandainya kedua pihak bijak dengan pepatah dan petitih perlawanan ini memakan masa hampir setengah hari, atau sehingga dilerai oleh yang mengadakan majlis.

Tempuh masa untuk istiadat nikah kahwin di kalangan masyarakat adat pepatih tidak tetap: antara sehari semalam sehingga kepada tujuh hari dan tujuh malam. Bilangan hari untuk upacara ini selalunya adalah bilangan ganjil - satu, tiga, lima dan tujuh. Kepada tiap-tiap bentuk ini terdapat peralatan dan kelengkapan serta jemputan tertentu. Misalnya, untuk tujuh hari tujuh malam, Undang/Penghulu adat mesti dijemput dan untuk lima

hari lima malam pula datuk lembaga harus hadir; bagitu juga dengan binatang yang dikurban kan adalah berdasarkan kepada siapa yang dijemput. Kalau tidak bersetujuan, yang empunya majlis telah melanggar peraturan adat dan akan dihukum yang juga dijalankan melalui istiadat mehyembah.

Di hari-hari perayaan perkahwinan itu berbagai istiadat pula dijalankan misalnya berinai besar, berinai kecil, mandimandian dan sebagainya. Tiap-tiap upacara itu haruslah dijalankan oleh orang-orang tertentu.

Bentuk perkahwinan itu sendiri ada bermacam jenis, mengikut bagaimana penjodohnya berlaku; samada secara biasa atau secara sumbang. Kalau secara sumbang beberapa istiadat tertentu terpaksa diikuti. Antara istiadat perkahwinan akibat kesumbangan memilih jodoh ialah merumah, menyerah, terkurung dan kahwin lari. Adat pepatih mempunyai aturan istiadat tertentu apabila salah satu dari bentuk ini terjadi. Sehari dua selepas perkahwinan itu terdapat pula beberapa istiadat lain yang harus dipatuhi.

Apabila isteri telah mengandung diadakan pula istiadat melenggang perut. Istimewa ini hanya dilakukan kepada kandungan yang pertama dan diadakan sewaktu umur kandungannya sampai tujuh bulan. Hari untuk istiadat ini adalah hari ganjil antara 17 ke 19 haribulan takwim Islam. Serentak dengan istiadat ini diadakan

juga istiadat menempah bidan. Keseluruhan istiadat ini diketuai oleh bidan.

Adat pepatih juga mengadakan istiadat bersuarang dan istiadat bertimbang salah. Kedua-dua istiadat ini adalah berkaitan dengan proses perceraian hidup. Kalau bercerai mati adat pula mengadakan istiadat menjemput pulang (Norhalim Hj Ibrahim, 1976:109-122, 295-305).

Selain dari istiadat yang berkaitan dengan lingkungan hidup seseorang terdapat juga istiadat yang berkaitan dengan tempat tinggal seperti istiadat memulih kampung, dan istiadat memulih rumah. Malahan orang Melayu, khususnya Melayu di Negeri Sembilan peristiwa mendirikan rumah pun dilakukan penuh dengan istiadat dan upacara; yang bermula dengan istiadat mencecah pahat yang dilakukan oleh pawang dengan peralatan dan kelengkapan tertentu serta diiringi dengan serapah dan jampi. Ini dikuti pula oleh istiadat menaikkan tiang yang bermula sejak waktu senja sehingga keesokkan petangnya. Pada malam selepas istiadat itu dimulakan orang dewasa/tuan empunya rumah dan pawang akan berjaga untuk semalam suntuk. Antara peralatan dan kelengkapan selain dari tepung tawar, untuk istiadat ini ialah damar, lilit, mercun, suluh daun kelapa, kain batik, kain putih, sedikat emas, pisang setandan, air segebuk, ayam jantan seekor dan kelapa dua biji. Puncak kepada istiadat ini ialah istiadat naik ghumba dan istiadat mandi-mandian.

Masyarakat adat pepatih di Negeri Sembilan, khususnya di Rembau, sebagai masyarakat petani menjalankan istiadat pertahunan. Upacara ini, sama seperti istiadat puja pantai yang berkaitan dengan penangkapan ikan di laut, berkait dengan aktiviti penanaman padi di sawah. Upacara pertahunan ini mengandungi beberapa istiadat pula yang bermula dengan istiadat berpuar.

Istiadat berpuar diadakan tiga tahun sekali dan berlangsung selama tujuh hari. Istiadat dan upacara ini memerlukan seorang pawang dan melibatkan seluruh anggota kampung tanpa mengira umur. Dalam tempuh masa istiadat ini berjalan berbagai upacara, antaranya bersengketa, berdamai dan berjamu, diadakan. Ia dimulakan dengan istiadat menghidupkan puar dan diakhiri pada hari yang ke tujuh dengan istiadat mematikan puar (Norhalim Hj Ibrahim, 1984: 10-22).

Dalam aktiviti pertanian yang sebenarnya pula terdapat istiadat-istiadat menyikat beneh, menurunkan beneh, memulakan semaian dan akhirnya menaikkan padi. Kesemua istiadat ini dijalankan secara besar-besaran dengan dihadiri oleh jiran-jiran dan kaum kerabat, dekat dan jauh, dengan diketuai oleh seorang pawang. Untuk kesemua upacara ini berbagai-bagai peralatan dan kelengkapan perlu di sediakan. Hampir kesemua peralatan ini adalah diayam samada dari daun kelapa ataupun daun mengkuang (Norhalim Hj Ibrahim, 1984: 30-45).

Dari segi politik tiap-tiap perlantikan kedua adat perlukan upacara dan istiadat, misalnya perlantikan atau kerjan Undang/Penghulu (Abd. Rahman Hj Mohd, 1963; Khalid Yunus, 1963; Wan Abdul Kadir dan Abdul Rahman Kaeh, 1976), atau Datuk Lembaga, Buapak dan Kedim. Kecil besarnya upacara dan istiadat dan siapa-siapa yang dijemput bergantung kepada kedudukan jawatan tersebut; bagitu juga jumlah hari perayaan istiadat itu berjalan. Kesemua istiadat ini mempunyai alat-alat serta peralatan yang lengkap sesuai dengan kedudukan jawatan yang berkenaan. Segala istiadat ini dijalankan mengikut peraturan dan susunan yang telah ditetapkan.

Dari huraian yang rengkas di atas nyatakan bahawa kehidupan individu Melayu itu, samada secara bersaorangan ataupun berkelompok, sering melalui berbagai upacara dan istiadat. Bentuk, susunan, kepentingan, pengendalian, peralatan, kelengkapan dan jemputan istiadat itu bergantung kepada keadaan, peristiwa dan kedudukan. Istiadat-istiadat ini dihiasi dengan berbagai daya cipta karya seni - tangan dan bahasa, yang antara satu istiadat dengan yang lain berbeza hasilnya - masyarakat Melayu yang telah diturunkan dari zaman ke zaman, dari generasi ke generasi.

PENYELIDIKAN

Dalam tempuh kurang lebeh sekurun lalu berbagai bentuk penelitian mengenai pelbagai aspek adat dan istiadat Melayu telah

dilaksanakan. Sayangnya satakat ini masih belum ada satu senarai bibliografi lengkap disusun secara serius dan sistematis oleh mana-mana pihak. Maka kebanyakan bahan berkenaan masih berselerak dan perlu dikumpulkan di suatu tempat pusat kalau kita benar-benar serius ingin mengasaskan suatu bidang pengajian mengenai kedua-dua aspek tamadun Melayu dan, yang lebih penting, untuk pengetahuan generasi masa depan.

Berdasarkan bahan yang bertaburan di sana sini yang mampu dikumpulkan didapati kebanyakan membincangkan adat dan ini pun banyak yang tertumpu kepada adat pepatih. Kajian dan juga tulisan, samada akademik ataupun popular mengenai istiadat adalah lebih sedikit bilangannya jika dibandingkan dengan yang berkaitan dengan adat. Kajian-kajian dan penulisan-penulisan tersebut, dalam kebanyakan analisisnya dapat dikesan suatu tema yang dominan yang tersirat di dalamnya, iaitu perbincangan mengenai perubahan yang dialami oleh adat dan istiadat serta ketahanannya sebagai suatu tradisi, atau pertentangannya dengan semangat Islam. Ini benar sekali dalam kes kajian mengenai adat pepatih.

Kajian-kajian tentang pembinaan kembali adat dan juga istiadat secara terpeinci masih boleh dikatakan tiada. Kalau adapun adalah hanya tulisan-tulisan pentadbir-cum-sarjana barat seperti Winstedt, Caldecott, dan Wilkinson. Mereka ini menulis dan menyelidik mengenai adat dan istiadat Melayu bukan atas dasar akademik seperti yang dilakukan oleh Malinowski di

Kepulauan Trobriands tetapi lebih untuk menyenangkan dirinya dan lain-lain pegawai penjajah yang sedang mentadbir atau/dan bakal mentadbir negeri-negeri Melayu, pembesar-pembesar dan rakyat Melayu.

Dalam penulisan mereka ini, yang kini menjadi rujukan generasi muda dan juga pengamal adat dan istiadat, beberapa penyesuaian berdasarkan nilai, pandangan, etika dan moral kebudayaan serta andaian mereka sendiri telah dilakukan (Norhalim Hj Ibrahim, 1976:13). Justeru itu, kalaualah kita membaca dan mengkaji secara teliti dan kritikal 'karya besar' mereka itu kita akan menemui banyak kekurangan.

Karya-karya mereka itu, malahan karya-karya penyelidik dan penulis setempat, telah menyogokkan kepada kitauraian yang di-landaskan dengan andaian bahawa masyarakat dan tamadun Melayu ini, khususnya adat dan istiadat Melayu, adalah homogenous. Ini telah dilakukan secara sedar dan tak disedari oleh pengkaji-pengkaji berkenaan. Dengan itu, kita dapat kajian yang terhasil mengenai adat dan istiadat Melayu adalah huraian yang berbentuk simplistik dan simple-minded sedangkan isu yang dianalisa amat kompleks lagi rumit. Ini jelas terbukti misalnya dalam buku-buku mengenai adat pepatih seperti hasil karya Parr dan Mackray (1910) yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (Abbas Hj Ali, 1953) yang kini menjadi rujukan utama pentadbir adat di Rembau dalam menyelesaikan konflik atau/dan membereskan kebuntuan adat; dan

juga karya de Moubray (1931).

Tradisi huraian secara simplistik ini masih berlanjutan sehingga ke zaman merdeka. Tetapi kali ini para penyelidiknya adalah terdiri dari anak Melayu sendiri atas tujuan untuk memenuhi syarat mendapatkan kelulusan akademik. Hasil-hasil ini pun, bagai dikatakan di awal tadi bertabur di beberapa buah universiti tempatan, dan setakat ini masih belum ada, sejauh pengetahuan saya, usaha untuk mengumpulkannya ke suatu pusat; dan menganalisis, menyusun dan melanjutkan penemuan agar penghuraian mengenai sesuatu aspek itu menjadi lebih lengkap dan terperinci.

Jadi buat masakini kekurangan yang amat terasa ialah suatu kerangka konseptual yang rigourous, suatu penganalisaan dan suatu penghuraian semula mengenai adat dan istiadat Melayu secara objektif dari kaca mata sarjana Melayu, yang mempunyai nilai, moral dan etika Melayu serta memahami simbol dan lambang adat dan istiadat Melayu.

Penyelidikan dan penulisan semula seperti yang baru diutarakan tadi masih belum mencukupi. Adat dan istiadat mempunyai berbagai artifek. Artifek-artifek ini adalah suatu pengetahuan dan kemahiran yang ada pada orang-orang tertentu sahaja seperti pawang, dukun, bomoh dan bidan. Hari ini individu-individu seperti

ini telah tidak bersama kita lagi. Kalau adapun bilangannya terlalu kecil dan terpencil. Pengetahuan mereka telah di-perkecilkan oleh generasi kita, oleh masa kita dan oleh 'kemajuan' kita sehingga mereka ini terpaksa memenculkan diri dan akhirnya membawa pengetahuan dan kemahiran reka indah artifek adat dan istiadat itu ke liang lahat. Apabila timbul kesedaran tentang keagungan tamadun Melayu dan mendapati diri miskin dengan kenyataan (tetapi kaya dengan angan-angan) kita mengelabah dan histeria kerana kita baru terasa telah kehilangan sesuatu yang bernilai dan berharga dan malahan menjadi bukti tentang wujudnya suatu **tamadun Melayu.**

KESIMPULAN

Rumusan

Dari kenyataan-kenyataan dan huraiian-huraian di atas, buat masakini dapatlah kita katakan bahawa tamadun Melayu, dari segi adat dan istiadat berada dalam suatu **dilema**. Dilema ini terhasil akibat dari, antara lain faktor-faktor berikut:

Masyarakat Melayu sekarang telah salah faham tentang pengertian dan konsep adat dan istiadat. Adat bukannya kebiasaan sehari-harian tetapi adalah peraturan atau undang-undang hidup manusia Melayu yang membezakannya dari masyarakat lain.

Istiadat Melayu adalah satu aktiviti yang penuh dengan nilai seni, budi bahasa, keindahan rasa dan fikiran serta kesyukuran dan bukannya sesuatu yang boleh memalukan atau menjatuhkan martabat bangsa.

Masyarakat Melayu hari ini telah tidak memahami dan tidak mengenali lagi adat dan istiadatnya; mereka lebih seronok dengan segala bentuk budaya yang diimpot.

Adat dan istiadat Melayu yang diperlanjutkan oleh agensi-agensi kerajaan untuk kepentingan perdagangan telah dicemar dan dilacurkan sehingga generasi tua, pengamal dan pencintanya merasa malu menontonnya.

Justeru itu, masyarakat Melayu hari ini telah hilang harga diri, telah hilang identiti sebagai orang Melayu - tegasnya mereka telah menjadi bangsa yang artifisial, bangsa sintetik dan hipokrit.

Keadaan ini wujud kerana generasi muda tidak lagi disosialisasikan dengan aspek-aspek adat dan istiadat generasi sebelumnya.

Penyelidikan-penyelidikan yang ada masih belum mencukupi.

Hasil penyelidikan yang ada jarang sekali, malahan mungkin tidak langsung dinikmati oleh masyarakat ramai; melainkan oleh beberapa orang yang berkepentingan sahaja.

Penyelidikan yang lebih intensif, terperinci, sistematis dan objektif harus digiatkan dan diperbanyak lagi. Hasilnya atau sekurang-kurangnya lapuran mengenainya haruslah dipusatkan dan kemudian disebarluaskan kepada ramai.

Persoalan

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia telah lama ditubuhkan. Setakat ini apakah yang telah dilakukan oleh kementerian berkenaan dalam usaha untuk mengelakkan adat dan istiadat Melayu disamping mengadakan seminar-seminar budaya dan menubuhkan badan-badan seni yang mendramakan adat dan istiadat Melayu? Apakah tindakan selanjut yang dilakukan oleh kementerian selepas diadakan pendedahan dalam seminar dan bengkel tersebut? Adakah pihak kementerian dan kerajaan mengambil inisiatif untuk menganjurkan sendiri atau meminta atau bekerjasama dengan badan-badan lain seperti universiti-universiti tempatan untuk menjalankan penyelidikan intensif mengenainya?

Bagitu juga dengan pendramaan adat dan istiadat Melayu. Adakah kementerian dan kerajaan mempastikan secara penyelidikan yang kesemua drama itu tulin asli Melayunya ataupun telah bercampur dengan langkah-langkah moden, baik dari segi peralatan, kelengkapan dan sebagainya yang menyumbangkan dan mencemarkan seni itu? Adakah pihak kementerian mengambil berat tentang pendramaan yang dibuat oleh badan-badan luar (kementerian) yang pertunjukan mereka itu selari dengan adat dan istiadat yang asli? Kerana, pernah berlaku beberapa tahun lalu, dalam beberapa gambar yang tersiar di akhbar tempatan mengenai pendramaan istiadat Melayu terlihat peha gebu gadis-gadis melukah sehingga melihatkan seluar dalam merah, biru muda dan ungu. Perbuatan melukah oleh gadis Melayu adalah suatu perbuatan yang dianggap tidak beradat, kurang sopan, apatah lagi jika ia dilakukan dalam satu upacara istiadat yang khudus! Penonton merasa ketika itu seolah-olah sedang menyaksikan satu tarian strip-tease dan bukannya satu istiadat Melayu tradisi!

Kementerian yang dianggap (!) sebagai alat penghubung dan juga midia sosialisasi kerajaan ialah Kementerian Penerangan. Kalaualah kita melihat siaran-siaran kementerian berkenaan: berapa peratuskah artis-artis pujaan ramai kita yang menjadi ikut-ikutan generasi Melayu muda, yang membawa, sekurang-kurangnya nilai adat dan istiadat Melayu yang paling minima dalam pertunjukannya? Adakah pernah kementerian tersebut menyiarkan siaran langsung sepenuhnya mengenai perjalanan adat dan istiadat Melayu selain

dari menyiarkan sepenuhnya pelancaran resmi sesuatu aktiviti moden kerajaan? Kalaupun disiarkan: adakah slot masa yang diberikan itu sesuai agar ia dapat ditonton oleh majoriti rakyat dari kesemua lapisan umur, dan bukannya slot-slot yang tersepit? Adakah kementerian berkenaan malu untuk menyiarkannya, takut nanti dikatakan kementerian kolot dan tradisi? Dulu pernah kementerian itu menyiarkan sepenuhnya adat dan *istiadat* Jepun dan Korea sebagai propaganda pandang ke timur mengapa berikutnya tidak disiarkan pula rakaman penuh **adat** dan *istiadat* Melayu yang menjadi tunjang kebudayaan Malaysia (sic.) agar orang Melayu juga dapat menyerapi falsafah Jepun: Teknologi Barat, kebudayaan Jepun; dan menimbulkan pula falsafah: Teknologi Barat, Budaya Melayu dalam jiwa dan diri mereka?

Dengan adanya persoalan-persoalan ini serta banyak lagi yang lain yang kita samar-samar akan jawapannya, maka tidak **hairan** rakyat Melayu masakini dan juga masa akan datang telah hilang identiti Melayunya. Generasi muda Melayu hari ini tidak tahu apakah ia orang Melayu atau bukan Melayu - barat mungkin. Kalau ianya barat: berdasarkan kepada adat dan *istiadat* yang dilakukan dalam lingkungan hidupnya seperti menyambut hari jadi dengan menghembus lilin, makan dengan garfu, kahwin ala barat, mengapa kulitnya sawo matang? Kalau ia orang Melayu, dia kekok, kaku dan mungkin malu pula berpakaian Melayu, tidak tahu dan tidak mahu tahu apa dia adat Melayu, tidak pula kenal akan *istiadat* Melayu! Siapa dia?

Penutup

Kertaskerja ini, seperti yang dinyatakan diawal tadi bukan bertujuan untuk memberi perincian mengenai adat dan istiadat ataupun mengemukakan suatu analisis yang mendalam. Tulisan ini hanya sekadar mengajak berjalan melalui kehidupan masyarakat adat dan bersama menyaksikan serta berkenalan dengan istiadat-istiadat sambil melihat bagaimana orang Melayu menjalankan istiadat dalam lingkungan kehidupannya, dari segi sosial, ekonomi pertanian dan politik tradisi. Apabila sampai ke garis penamat maka kelihatan suatu masyarakat Melayu yang sedang mengalami suatu dilema - tidak kenal usul asalnya, adat dan istiadat sendiri. Apa yang ada hanyalah generasi Melayu yang sedang panik dan mengelabah serta histeria mencari jiwanya yang telah hampir hilang.

Sebagai kata akhir, di sini ingin ditegaskan bahawa kajian yang mendalam perlu dijalankan untuk mencari akar adat dan istiadat Melayu. Dari situ dibina kembali tamadun Melayu dalam bentuk tulisan atau dokumentasi agar generasi akan datang tidak hanya tahu bercakap dan berangan-angan atau berkhayalan tetapi memahami dan mengetahui adat dan istiadat itu secara sebenarnya. Untuk tujuan pensosialisasian ini pihak-pihak berkenaan, dengan menggunakan alat-alat teknologi pembelajaran dan pengajaran moden perlu merakamkannya dan menyebarlakannya.

BEBERAPA RUJUKAN

- Abas Hj Ali, Rembau: Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadatnya, Rembau, 1953.
- Abdul Samad Idris, Datuk, 'Kemurnian dalam Adat Pepatih', kertaskerja: Seminar Pensejarahan dan Adat Pepatih, Seremban, 1974.
- Abd. Rahman Hj Mohd., 'Istiadat Jalam Kaki dari Tanah Kerja ke Tanah Mengandung', Berita Harian, 11.4.1963.
- Abegglen, J.G., The Japanese Factory, Bombay: Asia Publishing House, 1959.
- Chen, P.S.J., 'Asian Values and Modernization: A Sociological Perspective', dlm. Seah Chee Meow, ed., Asian Values and Modernization, Singapore: Singapore University Press, 1977, hal. 21-40.
- Dahlan, H.M., 'Sistem Ide dalam Masyarakat Adat', kertaskerja: Seminar Kebangsaan Adat Pepatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang, 1984.
- de Moubray, G.A., Matriarchy in the Malay Peninsula and Neighbouring Countries, London: George Routledge and Sons, 1931.
- Josselin de Jong, P.E. de, 'A Review of Gullick's: "Indigenous Political Systems of Western Malaya"', Bijdragen Tot de Taal-, Land-en Volkenkunde, 116, hal. 379-382.
- Khalid Yunus, 'Istiadat "Kerjan" di Rembau Dentum meriam sembilan kali memulakan Istiadat Gembilang', Utusan Zaman, 14. 4. 1963, hal. 11.
- Mohd. Rais Yatim, 'Undang-undang Adat Pepatih: Common Law dan Equity - satu analisa perbandingan', kertas-kerja: Seminar Pensejarahan dan Adat Pepatih, Seremban, 1974.
- Noraiddah Tuanku Abdul Rahman, Tunku, 'Negeri Sembilan: Satu Bibliografi Awal', kertaskerja: Seminar Kebangsaan Adat Pepatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang, 1984.
- Norhalim Hj Ibrahim, Social Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau, Negeri Sembilan, Thesis M.A., Hull: University of Hull, 1976.

Norhalim Hj Ibrahim, Pertahanan: Istiadat Turun Ke sawah di Rembau, Negeri Sembilan, (Draft manuskrip), 1984.

Parr, C.W.C. dan Mackray, W.H., 'Rembau, one of the Nine States: Its History, Constitution and Customs', JSBRAS, 56, hal. 1-157.

Tylor, E.B., The Origins of Culture, N. York: Harper Torchbooks, 1958.

Wan Abdul Kadir Yusof dan Abdul Rahman Kaeh, Adat Istiadat Kerjan Undang Johol ke XI, K. Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1976.

Zainal Kling, 'Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat', kertaskerja: Seminar Kebangsaan Adat Pepatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang, 1984.